

02 JUN 1998

MAHATHIR-SPA/I

KERAJAAN AKAN BIAYAI 60 PERATUS DARIPADA MODAL DALAM SPA

Oleh: Michael Raj

TOKYO, 2 Jun (Bernama) -- Kerajaan mungkin akan membiayai sehingga 60 peratus daripada keperluan modal Syarikat Pengurusan Aset (SPA) yang akan ditubuhkan tidak lama lagi, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata di sini hari ini.

"Kami menjangka sektor swasta akan membiayai selebihnya," katanya semasa sesi soal-jawab berikutan penyampaian ceramah di satu simposium yang dianjurkan oleh Institut Hal Ehwal Matawang Antarabangsa.

Beliau juga berkata bahawa kerajaan akan mendapatkan dananya daripada tabung disatukan apabila ditanya sama ada wang untuk modal itu akan diperolehi sumbernya daripada percukaian atau melalui Bank Negara.

"Kami ada sedikit wang," katanya pada sesi yang dihadiri oleh lebih 200 peserta terdiri daripada para pemimpin korporat dan eksekutif perniagaan terutamanya dari Jepun dan yang turut dihadiri oleh Timbalan Pengarah Urusan Tabung Matawang Antarabangsa (IMF) Stanley Fischer.

Dengan mengambil alih pinjaman tidak dibayar (NPL) daripada bank-bank dan institusi-institusi kewangan, institusi kewangan akan dikurangkan bebanan NPL dan selepas itu berkedudukan baik untuk memberi pinjaman semula kepada perniagaan.

"Dengan demikian perniagaan akan meningkat semula," yang dalam proses itu akan menggalakkan ekonomi yang kini terjejas teruk kerana perniagaan sukar untuk mengambil pinjaman kerana kadar faedah yang tinggi, kata Dr Mahathir.

Mengenai kemungkinan kerajaan mendapatkan sebahagian daripada dana yang diperlukan melalui terbitan bon-bon kerajaan, Dr Mahathir berkata, "kita belum memutuskan itu lagi."

Butiran terperinci mengenai SPA, yang akan diketuai oleh Mohamed Azman Yahya, pengarah eksekutif kumpulan Amanah Capital Malaysia Bhd, dijangka dikeluarkan minggu ini.

-- BERNAMA

MR FR OS